



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2017**

**PINDAAN KEPADA PIAGAM PELANGGAN YANG MELIBATKAN KERJA UKUR
KADASTER SEHINGGA PENYEDIAAN PELAN AKUI**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikeliling Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Bahagian
Semua Pengarah Bahagian

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia II

**Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Bahagian
Semua Pengarah Bahagian**

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2017**

**PINDAAN KEPADA PIAGAM PELANGGAN YANG MELIBATKAN KERJA UKUR
KADASTER SEHINGGA PENYEDIAAN PELAN AKUI**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan pengauditan terhadap pelaksanaan dan tadbir urus Projek Pembangunan eKadaster di bawah Tender JUPEM T8/2006. Pengauditan ini telah dijalankan sepanjang bulan Mei sehingga September 2016 dan antara perkara yang diaudit adalah meliputi tempoh menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui (PA) hendaklah tidak melebihi 60 hari dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur (PU) yang lengkap dan teratur selaras dengan Piagam Pelanggan Jabatan.

2. Hasil dari analisis audit terhadap data pengeluaran PA di 5 Pejabat JUPEM Negeri mendapati sebahagian besar PA yang dikeluarkan bagi tempoh 2014 hingga 2016 adalah melebihi daripada tempoh yang ditetapkan. Lanjutan daripada analisis ini, pihak JAN menyarankan supaya piagam pelanggan yang melibatkan tempoh menyiapkan kerja ukur kadaster dikaji semula.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan telah melaksanakan kajian semula mulai 3 Januari 2017 dan hasilnya telah dibentangkan di Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemantauan Ukuran Hakmilik dan Strata pada 8 Mac 2017. Lanjutan daripada itu, Jabatan bersetuju supaya Piagam Pelanggan berkaitan dipinda seperti berikut:

“Menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui dalam tempoh tidak melebihi 180 hari dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur yang lengkap dan teratur.”

4. Surat Pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan mulai **1 Mei 2017**.

Sekian, terima kasih.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’
‘NEGARAKU, ALAM SEKITARKU’**



(DATO' SR HASAN BIN JAMIL)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia